

LAPORAN TAHUNAN

2
0
0
9



KANDUNGAN

MS

• Selayang Pandang	i-ii
• Perutusan Yang Dipertua	1
• Profil Majlis Perbandaran Seberang Perai	2
• Ahli Majlis 2009	3-4
• Jawatankuasa Tetap (Peranan & Tanggungjawab)	5-6
• Kumpulan Pengurusan	7-8
• Piagam Pelanggan	9-15
• Peristiwa Penting	17-18
• Tinjauan Operasi	19-24
• Laporan Jabatan	
Jabatan Khidmat Pengurusan	25-45
Jabatan Undang-Undang	46-57
Jabatan Perpendaharaan	58-69
Jabatan Kejuruteraan	70-79
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	80-85
Jabatan Bangunan	86-89
Jabatan Perancang Bandar & Pengindahan	90-99
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan	100-108
Jabatan Kemasyarakatan	109-118
Jabatan Pelesenan	119-124
• Penyata Kewangan	125-127



LAPORAN TAHUNAN 2009



1. Seberang Perai mulanya dikenali sebagai "Province Wellesley", terletak di Tanah Besar Semenanjung Malaysia, telah diserahkan kepada United Kingdom oleh Sultan Kedah pada masa itu (Sultan Muhammad Jiwa) selepas kekalahan Angkatan Perang Kedah di dalam perperangan untuk merampas kembali Pulau Pinang daripada British pada tahun 1798. Persempadannya dengan Kedah telah dipersetujui oleh British melalui Perjanjian yang ditandatangani antara British dengan Siam kerana pada ketika itu Kedah adalah dibawah naungan Siam. Pada ketika itu, kawasan ini ditadbir oleh Pegawai Daerah dan dibantu oleh beberapa orang pegawai lain sebagai Penasihat British di Pulau Pinang.
2. Pada masa kini, sempadan bagi negeri - negeri Pulau Pinang dan Kedah adalah tertakluk kepada Akta Kedah dan Pulau Pinang 1984.
3. Bermula dengan penubuhan Negeri-Negeri Selat melalui Perjanjian Inggeris - Belanda pada tahun 1824 yang menyebabkan Kepulauan Melayu terbahagi kepada Kawasan Jajahan British di Bahagian Utara dan Kawasan Jajahan Belanda di bahagian Selatan. Pusat Pentadbiran Negeri - Negeri Selat telah dipindahkan dari Pulau Pinang ke Singapura pada tahun 1832.
4. Pada tahun 1867, Negeri - Negeri Selat telah dijadikan sebagai Koloni Mahkota British. Pada 4 Februari, "Letters Patent" telah diberikan kepada penempatan sebagai Perlembagaan Koloni. Bagi memberi kuasa yang lebih kepada Gabenor Negeri - Negeri Selat yang mentadbir Koloni Negeri - Negeri Selat, sebuah badan telah ditubuhkan bagi membantu Gabenor iaitu Majlis Eksekutif Negeri - Negeri Selat yang mengandungi keseluruhan Ahli - Ahli Majlis Rasmi (ex officio), dan sebuah Badan Perundangan yang mengandungi ahli - ahli rasmi dan ahli - ahli yang dipilih. Jentera Pentadbiran bagi Koloni Negeri - Negeri Selat telah dilaksanakan oleh Perkhidmatan Awam yang anggotanya telah dilatih dan melalui peperiksaan atau ujian yang kompetitif di London. Pulau Pinang dan Melaka ditadbir secara langsung oleh Gabenor dan Konsulat Residen di Singapura.
5. Pengaliran masuk imigran Cina dan India ke Tanah Melayu oleh British melalui Negeri Selat telah menyebabkan pertumbuhan koloni dan pekan-pekan baru oleh imigran-imigran ini selepas Perjanjian Ingeris-Belanda 1824. Peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh kapitalis-kapitalis Barat pada ketika itu telah menyebabkan peranan Pejabat Kebersihan Tempatan menjadi penting. Ianya bermula dengan sebuah unit kecil yang dikenali sebagai Pejabat Kebersihan Tempatan pada tahun 1890an yang berperanan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan sampah sarap dan sisa kumbahan.
6. Selepas Perang Dunia Kedua, Koloni-koloni British menyedari tentang pentingnya keperluan untuk menyediakan sebuah jentera pentadbiran yang teratur dalam mengurus hal-hewal tempatan. Revolusi industri di awal abad ke-19, bukan sahaja pencetus kepada perebutan bahan mentah oleh kuasa besar malahan kesedaran tentang penjagaan kebersihan dan perihal kesihatan kepada masyarakat. Berikutan itu Pejabat Kebersihan Tempatan dan peranannya telah diperkemaskan dengan penubuhan Majlis Bandaran Butterworth dan Bukit Mertajam serta Majlis Luar Bandar atau Majlis Tempatan untuk mengurus dan mentadbir kawasan luar bandar di Seberang Perai pada tahun 1913.
7. Selepas Malaya merdeka pada 1957, sistem pentadbiran telah diperkemaskan. Akta dan Undang-Undang kecil telah diperkenalkan untuk memberi kuasa kepada Majlis Tempatan memungut cukai pintu dan lesen perniagaan sebagai sumber pendapatan. Semua Majlis Tempatan ditadbir oleh wakil yang dilantik melalui Pilihanraya Majlis Tempatan.
8. Pada tahun 1971 kerajaan pusat telah memutuskan untuk mengambil alih pentadbiran Majlis Tempatan melalui penubuhan Kementerian Kerajaan Tempatan mempunyai kuasa mutlak yang tersendiri tanpa kaitan dan bebas telah diberi kepada pentadbirnya untuk mengurus segala hal tempatan. Pada 1 Jun 1974 Akta Kerajaan Tempatan telah diperkenalkan dan menyebabkan semua Majlis Tempatan disatukan menjadi Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Pada 15 Disember 1974 Akta Kerajaan Tempatan telah dipinda untuk memantapkan lagi pentadbiran kerajaan tempatan, Berikutan itu, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dinaiktaraf menjadi Majlis Perbandaran Seberang Perai yang dikenali hingga sekarang.

MPSP

Selayang Pandang



Bekas pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (sebelum ini dikenali sebagai Majlis Butterworth)

Ibu pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai sekarang ini (Butterworth) terletak di atas tapak kediaman bekas Pegawai Perubatan



Bangunan pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai yang telah dirasmikan pada tahun 1974



Bangunan ibu pejabat baru Majlis Perbandaran Seberang Perai yang sedang digunakan kini, mula beroperasi pada tahun 2006





Tahun 2009 adalah ulang tahun yang ke-35 bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai. Sejak itu berbagai usaha telah dijalankan untuk memelihara dan membaiki aset-aset sediada, membina kemudahan baru dan memastikan operasi dan penyelenggaraan aset-aset ini lebih efektif dan efisien. Pada masa yang sama juga, memastikan usaha penambahbaikan yang berterusan terhadap dilakukan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan.

MPSP telah melaksana beberapa pendekatan termasuklah secara dalaman dengan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran untuk memastikan dan mempertingkatkan mutu operasi persekitaran di Seberang Perai ke suatu tahap yang memuaskan kehendak pelanggan. Perubahan yang dilaksanakan berterusan termasuk perubahan-perubahan kecil yang boleh memberi impak positif kepada kemudahan pelanggan dalam proses mendapatkan perkhidmatan MPSP.

Pembangunan pesat Seberang Perai dengan projek-projek pembangunan dan perumahan menagih pembangunan infrastruktur yang seiring dengan kerancakan pembangunan. Projek-projek pembangunan oleh MPSP di Seberang Perai terus mencerminkan komitment yang tinggi dalam meningkatkan kredibiliti perkhidmatan MPSP di Seberang Perai.

Malah Seberang Perai kini bukan hanya menjadi tumpuan kepada pelabur-pelabur dalam sektor perindustrian malahan perniagaan dan harta tanah.

Perkhidmatan MPSP kini tidak lagi terhad kepada pembersihan dan pengindahan malahan telah menjangkau lebih jauh sebagai PBT yang sentiasa berusaha untuk memenuhi kepentingan "stake holders" dan tanggungjawab sosial kepada masyarakat Seberang Perai.

Saya berbesar hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang bekerja keras dalam usaha memajukan Seberang Perai. Disamping itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan di atas sumbangan, dedikasi dan komitmen masing-masing melalui tugas yang dipertanggungjawabkan.



Tuan Haji Mokhtar bin Mohd Jait
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai



Majlis Perbandaran Seberang Perai ditubuhkan melalui Seksyen 3 Akta 171,1976 dengan keluasan 738.41km persegi. Ditubuhkan pada 1 Julai 1976 menjadikannya kini berusia 35 tahun. Seberang Perai pada tahun 2009 mempunyai penduduk seramai 850,700 orang

MPSP mempunyai 1,669 kakitangan secara keseluruhan dengan 24 orang ahli Majlis mempunyai 11 jabatan seperti berikut :

- i. Jabatan Khidmat Pengurusan
 - ii. Jabatan Undang-Undang
 - iii. Jabatan Perbendaharaan
 - iv. Jabatan Penilaian & pengurusan Harta
 - v. Jabatan Perancang Bandar
 - vi. Jabatan Bangunan
 - vii. Jabatan Kejuruteraan
 - viii. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
 - ix. Jabatan Kemasyarakatan
 - x. Jabatan Pelesenan
 - xi. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran
- .

Seberang Perai juga mempunyai 3 daerah pentadbiran yang masing-masing diketuai oleh seorang Pegawai Daerah. Daripada 3 Daerah ini Seberang Perai mempunyai 7 Kawasan Parlimen dan 21 kawasan Dewan Undangan Negari. Selain daripada itu kawasan Seberang Perai juga turut mempunyai 96 kawasan JKKK, 202 Rukun Tetangga Kawasan dan 175 Persatuan Penduduk.

OBJEKTIF

- ❖ Memastikan pembangunan yang rasional dan dinamik melalui kawalan perancangan dan pembinaan untuk memelihara mutu alam sekitar
- ❖ Memberi perkhidmatan kesihatan awam
- ❖ Menyediakan prasarana dan kemudahan awam termasuk kemudahan rekreasi yang selesa dan terancang
- ❖ Mengadakan dan menguruskan sistem lalulintas yang teratur
- ❖ Membantu usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan perumahan, pelancongan dan perindustrian

VISI

MENJADIKAN SEBERANG PERAI SEBAGAI SEBUAH TEMPAT YANG BERSIH, INDAH DAN SELESA UNTUK DIDIMI, BEKERJA DAN KOMPETITIF UNTUK PELABURAN

MISI

KESEPAKATAN KOMUNITI




Duduk dari Kiri: Y.B. Tuan Ng Wei Aik; Y.B. Tuan Phee Boon Poh; Y.B. Tuan Lim Hock Seng; Y.B. Tuan Chow Kon Yeow; YAB. Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri); Y.B. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Timb. Ketua Menteri II); Tuan Hj. Mokhtar bin Mohd. Jait (Yang Dipertua MPSP); Y.B. Tuan Law Choo Kiang; Y.B. Puan Ong Kok Fooi; Y.B Dato' Farizan bin Darus;

Barisan Ke-2 dari kiri: Y. Bhg. Dato' Muhammad b. Ismail ; Encik Md. Jamil b. Abd Rahman; Encik Ahmad Farid b. Md Arshad; Puan Liu Ting Ling; Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam; Puan Tan Cheai Peng; Encik Abdul Rahman b. Ramjan; Encik Ideris b. Ibrahim; Encik Chandrasekeran a/l Sinapayan Maniam; Encik Teoh Seang Hooi; Encik Goh Choon Aik;

Barisan Ke-3 dari Kiri: Tuan Haji Mohd. Kamil b. Abu Bakar; Encik Soon Lip Chee; Encik Oon Neow Aun; Encik Amir b. Md Ghazali; Encik Zaini b. Awang; Encik Ng Choong Hock; Encik Ong Koon Liak; Encik Ramachandaran a/l M. Muthiah; Encik Mahamad b. Hashim;

Barisan Ke-4 dari kiri : Encik Johari b. Kassim, Encik Loh Joo Huat; Encik Ramiah a/l P. Govindasamy.



Kawasan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di Seberang Perai



Kehadiran Ahli Majlis Dalam Majlis Penuh Bagi Tahun 2009

Bil	Nama	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jum
1	En. Johari bin Kassim	✓	✓	✓	✓	✓	-	-	✓	✓	✓	✓	-	9/12
2	En. Soon Lip Chee	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	12/12
3	En. Mohd Fadzil bin Kemi	✓	✓	✓	✓	-	✓	✓	-	✓	✓	✓	✓	10/12
4	En. Ng Choong Hock	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	10/12
5	En Oon Neow Aun	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	12/12
6	En. Teoh Seang Hooi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	11/12
7	En. Ngu Lek Wah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓	✓	-	-	-	8/12
8	En. Ramiah a/l P.Govindasamy	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	12/12
9	En. Ramachandran a/l M.Muthiah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	12/12
10	Cik Teong Ai Ling	✓	✓	✓	✓	-	✓	✓	✓	✓	-	✓	✓	10/12
11	Pn. Tan Cheai Peng	-	✓	-	✓	✓	-	-	✓	✓	✓	-	-	6/12
12	Pn. Lui Ting Ling	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓	11/12
13	Dato' Muhammad bin Ismail	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓	✓	11/12
14	En. Goh Choon Aik	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	12/12
15	Hj. Mohd. Kamil bin Abu Bakar	✓	✓	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/12
16	En. Zaini bin Awang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	-	✓	✓	✓	✓	10/12
17	Cik Kusala Kumari	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	11/12
18	En. Che Mat bin Hashim	✓	✓	✓	✓	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	11/12
19*	Pn. Norhayati binti Jaafar	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2/12
20*	En. Amizudin bin Ahmad	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2/12
21*	Pegawai Daerah SPU	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0/12
22*	Pegawai Daerah SPT	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2/12
23*	Pegawai Daerah SPS	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2/42
24**	En. Chandrasekeran a/l S.Maniam	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/12
25**	En. Ideris bin Ibrahim	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/12
26**	En. Mahamad bin Hashim	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/12
27**	En. Ahmad Farid bin Arshad	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/12
28**	En. Amir bin Md. Ghazali	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	9/12
29**	En. Abdul Rahman bin Ramjan	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/12
Jumlah		20/23	22/23	22/24	24/24	21/24	22/24	20/24	22/24	24/24	21/24	21/24	17/24	

Nota : * Tamat tempoh perkhidmatan sebagai Ahli Majlis pada 28 Februari 2009

** Dilantik menjadi Ahli Majlis Mulai 6 Mac 2009





1. Jawatankuasa Pentadbiran Dan Kewangan

Menimbang dan membuat perakuan kepada Majlis Penuh atas semua perkara di bawah bidang tugas seperti berikut:

- i. Peranggaran tahunan dan tambahan
- ii. Penyata kira-kira tahunan dan pemerhatian Juru Audit Negara
- iii. Kadar, cukai dan bayaran
- iv. Mengkaji semula cukai-cukai
- v. Melulus dan tidak meluluskan cadangan-cadangan perbelanjaan yang dikemukakan oleh lain-lain jawatankuasa
- vi. Mengembalikan cukai rumah ke atas bangunan-bangunan yang kosong atau mengecualikan rumah-rumah daripada bayaran cukai
- vii. Cukai-cukai ke atas bangunan baru dan tanah
- viii. Menghapuskan tunggakan hasil
- ix. Menggubal dasar-dasar Majlis
- x. Syarat-syarat perkhidmatan, kutipan, bayaran elaun dan sebagainya
- xi. Pengurusan / penyelenggaraan kolam renang, kompleks sukan dan dewan orang ramai
- xii. Perkara-perkara mengenai kebijakan pekerja-pekerja Majlis
- xiii. Lain-lain perkara yang ada hubungan dengan jawatankuasa ini

2. Jawatankuasa Pelesenan dan Penguatkuasaan

Menimbang dan membuat perakuan kepada Majlis Penuh atas semua perkara di bawah bidang tugas seperti berikut:

- i. Pengangkutan sampah
- ii. Kebersihan parit, tempat lapang, pasar-pasar dan sebagainya
- iii. Kempen kebersihan termasuk 'anti-litter'
- iv. Semua jenis pelesenan selain daripada yang diluluskan oleh Yang Dipertua
- v. Lesen-lesen yang melanggar Undang-Undang Kecil
- vi. Dasar-dasar mengenai pelesenan
- vii. Pendakwaan
- viii. Rumah-rumah penyembelihan persendirian termasuk rumah penyembelihan khinzir Majlis
- ix. Pemeriksaan daging-daging yang dijual di dalam pasar-pasar dan tempat-tempat lain
- x. Melesenkan kandang-kandang khinzir
- xi. Melesenkan anjing-anjing
- xii. Menghapuskan tikus-tikus
- xiii. Lain-lain perkara yang ada hubungan dengan Jawatankuasa ini



3. Jawatankuasa Lalulintas dan Infrastruktur

Menimbang dan membuat perakuan kepada Majlis Penuh atas semua perkara di bawah bidang tugas seperti berikut:

- i. Menimbang cadangan-cadangan menguruskan semula satu sistem lalu lintas
- ii. Menyemak peraturan dan peruntukan di bawah Akta Pengangkutan Jalan Tahun 1987
- iii. Menimbang cadangan untuk :
 - (a) Pemasangan papan tanda lalu lintas
 - (b) Lampu-lampu isyarat
 - (c) Penyelenggaraan jalan
- iv. Mengkaji keperluan tempat meletak kereta awam serta kesalahan dan pengurusannya
- v. Menimbang permohonan lampu-lampu jalan
- vi. Lain-lain perkara yang ada hubungan dengan Jawatankuasa ini

4. Jawatankuasa Pembangunan dan Pengindahan

Menimbang dan membuat perakuan kepada Majlis Penuh atas semua perkara di bawah bidang tugas seperti berikut:

- i. Cadangan-cadangan projek khas Majlis di luar bidangkuasa lain-lain jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis
- ii. Mengkaji, merancang dan mencadangkan projek-projek yang memberi manfaat di atas tanah Majlis
- iii. Mengkaji dan mencadangkan mana-mana projek yang difikirkan perlu dari segi kesesuaian tapak dan cara pelaksanaan dari masa ke semasa
- iv. Mengkaji perancangan dan pelaksanaan projek-projek pengindahan
- v. Mengenalpasti dan menyelaras semua program dan aktiviti pengindahan
- vi. Mewujudkan dasar-dasar dan garis panduan tentang perancangan dan pelaksanaan projek-projek pengindahan
- vii. Lain-lain perkara yang ada hubungan dengan jawatankuasa ini

5. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

- i. Menyelaras, mengawal dan memantau proses kelulusan permohonan pembangunan dan pemajuan tanah
- ii. Mengedarkan keputusan rasmi perakuan Mesyuarat Jawatankuasa OSC kepada Agensi Teknikal berkaitan dan Pentadbir Tanah Daerah
- iii. Memaklumkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC kepada Mesyuarat Majlis Penuh
- iv. Menyediakan laporan rekod-rekod permohonan
- v. Mengkaji dan menganalisa masalah permohonan yang diterima dan membuat syor penambahbaikan bagi mempertingkatkan pelaksanaan OSC


CARTA ORGANISASI MPSP





Kumpulan Pengurusan

1. **Tuan Hj. Mokhtar bin Mohd. Jait**
Yang Dipertua
2. **Zainol Abidin bin Md. Noh**
Setiausaha Perbandaran
3. **Hj. Mansor bin Hashim**
Pengarah Undang-Undang
4. **Hjh. Noraziah binti Hj. Abdul Aziz**
Pengarah Pentadbiran Dan Sumber Manusia
5. **Hj. Rozali bin Mohamud**
Pengarah Penilaian Dan Pengurusan Harta
6. **Hj. Ahmad Fuad bin Hashim**
Pengarah Perancang Bandar
7. **Dr. Romli bin Hj. Awang**
Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
8. **Kamaruddin bin Che Lah**
Pengarah Kejuruteraan
9. **Ibrahim bin Md. Nor**
Penyelaras Perkhidmatan Perbandaran
10. **Wan Junaidy bin Yahaya**
Pengarah kemasyarakatan
11. **Mohd Faidzal bin Hassan**
Pengarah Pelesenan
12. **Shahrulnizad bin Abd. Razak**
Pemangku Pengarah Perbendaharan





PIAGAM PELANGGAN



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Memastikan pelantikan kakitangan dibuat dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh iklan ditutup

JABATAN UNDANG-UNDANG

- Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 21 hari

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN

- Menjalankan pembersihan parit, jalan, bahu jalan dan tanah lapang 1 kali seminggu untuk kawasan perumahan dan 3 kali seminggu untuk kawasan komersial
- Memberi perkhidmatan kutipan sisa pepejal domestik 3 kali seminggu
- Menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput setiap 3 minggu sekali di kawasan perumahan dan komersial
- Memastikan pemangkasan pokok-pokok teduhan dan pokok renek dilakukan setiap 6 bulan di kawasan yang dikenal pasti
- Membaiki alat permainan yang rosak dalam tempoh 30 hari daripada tarikh aduan diterima

JABATAN KEJURUTERAAN

- Aduan lampu jalan, lampu hiasan dan lampu isyarat disiasat dalam tempoh 4 hari daripada tarikh aduan diterima
- Memastikan kerja-kerja menampal jalan dan taman yang berlubang dilaksanakan dalam tempoh 3 hari selepas aduan diterima

JABATAN BANGUNAN

- Siap proses pelan bangunan jenis skim dan kompleks perniagaan dalam tempoh 50 hari daripada tarikh surat permohonan dari OSC (Urusetia Pusat Setempat)
- Mengeluarkan keputusan terhadap pelan bangunan dalam tempoh 2 hingga 6 minggu mengikut kategori permohonan dari tarikh syarat dipatuhi

JABATAN PERANCANG BANDAR

- Memberi keputusan permohonan kebenaran merancang dalam tempoh 10 minggu daripada tarikh penerimaan pelan yang telah ditunaikan syarat

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

- Notis taksiran dihantar kepada pembayar cukai tidak melebihi 75 hari daripada tarikh penerimaan kes
- Penukaran nama pemilik harta dibuat dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh permohonan diterima kecuali rumah kampung

Zainol Abidin bin Md. Noh
Setiausaha Perbandaran



JABATAN PERBENDAHARAAN

- Bil-bil cukai taksiran akan dikeluarkan dalam bulan Januari bagi setengah tahun pertama dan bulan Julai bagi setengah tahun kedua tiap-tiap tahun
- Bayaran kepada pembekal akan dibuat dalam tempoh 14 hari setelah dokumen yang lengkap diterima
- Bayaran cukai taksiran yang diterima, adalah dikemaskini di paparan bil Online seperti berikut:

<i>Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP</i>	<i>Serta Merta</i>
<i>Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP</i>	<i>Hari yang sama</i>
<i>Bayaran melalui laman web MPSP, agen bank, TM, TNB & POS</i>	<i>1 hari selepas transaksi</i>
<i>Bayaran melalui lain-lain agensi setempat</i>	<i>3 hari selepas transaksi</i>

- Bayaran kompaun letak kereta yang diterima, adalah dikemaskini di paparan Online seperti berikut:

<i>Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP</i>	<i>Serta Merta</i>
<i>Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP</i>	<i>Hari yang sama</i>
<i>Bayaran melalui agen bank (RHB) & Pos</i>	<i>1 hari selepas transaksi</i>
<i>Bayaran melalui lain-lain agensi setempat</i>	<i>3 hari selepas transaksi</i>

JABATAN KEMASYARAKATAN

- Maklumbalas aduan dikemukakan kepada pengadu dalam tempoh 10 hari daripada tarikh aduan diterima

JABATAN PELESENAN

- Mengeluarkan bil lesen premis dalam tempoh 25 hari selepas syarat-syarat pelesenan ditunaikan
- Mengeluarkan lesen penjaja dalam tempoh 25 hari selepas menerima permohonan lesen yang lengkap
- Surat tawaran untuk mengisi kekosongan kompleks makanan / pasar awam dibuat dalam tempoh 14 hari selepas keputusan mesyuarat Majlis Penuh dan tempoh bantahan awam

UNIT OSC (URUSETIA PUSAT SETEMPAT)

- Semua permohonan direkodkan dan dirujuk kepada Jabatan Induk dan Jabatan-jabatan Teknikal dalam tempoh 2 hari bagi konsep Jual Kemudian Bina (JKB) dan Projek Biasa
- Semua permohonan direkodkan dan dirujuk kepada Jabatan Induk dan Jabatan-jabatan Teknikal dalam tempoh 1 hari bagi konsep Bina Kemudian Jual (BKJ), Projek Impak Tinggi, Projek Pelaburan asing & Projek Kerajaan



LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN 2009

Bil	Piagam / Standard		Siap		Belum Siap			
			Dicapai	Tidak Dicapai		Tidak Dicapai		
KHIDMAT PENGURUSAN								
1	Memastikan pelantikan kakitangan dibuat dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh iklan ditutup		9	6	3	-	-	33%
UNDANG-UNDANG								
2	Memuktamadkan draf perjanjian sehingga proses mematikan setem dalam tempoh 21 hari <small>* Peratus tidak dicapai sebanyak 24% disebabkan oleh Jabatan Undang-undang menunggu tambahan syarat pelupusan sisa pepejal buangan hasil penyembelihan babi dan kelewatan kontraktor menghantar surat socso</small>		37	27	7	1	2	24%
KESIHATAN								
3	Menjalankan pembersihan parit, jalan, bahu jalan dan tanah lapang 1 kali seminggu untuk kawasan perumahan dan 3 kali seminggu untuk kawasan komersial		3,245	3,056	189	-	-	5.8%
4	Memberi perkhidmatan kutipan sisa pepejal domestik 3 kali seminggu		4,306	4,220	86	-	-	2%
5	Menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput setiap 3 minggu sekali di kawasan perumahan dan komersial		3,300	3,245	55	-	-	1.7%
KEJURUTERAAN								
6	Lampu jalan, lampu hiasan dan lampu isyarat disiasat dalam tempoh 4 hari daripada tarikh aduan diterima		406	406	-	-	-	-



LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN 2009

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP JANUARI HINGGA DISEMBER 2009

Bil	Piagam / Standard		Siap		Belum Siap		
			Dicapai	Tiakak Dicapai		Tidak Dicapai	
KEJURUTERAAN							
7	Memastikan kerja-kerja menampal jalan dan taman yang berlubang dilaksanakan dalam tempoh 3 hari selepas aduan diterima.	85	85	-	-	-	-
BANGUNAN							
8	MEMPROSES PELAN BANGUNAN 8.1 Siap proses pelan bangunan jenis skim dan kompleks perniagaan dalam tempoh 50 hari daripada tarikh surat permohonan dari OSC (Urusetia Pusat Setempat)	91	85	6	-	-	6.6%
	8.2 Mengeluarkan keputusan terhadap pelan bangunan dalam tempoh 2 hingga 7 minggu mengikut kategori permohonan dari tarikh syarat dipatuhi.	722	688	34	-	-	4.7%
PERANCANG BANDAR DAN PENGINDAHAN							
9	Memberi keputusan permohonan kebenaran merancang dalam tempoh 10 minggu daripada tarikh penerimaan pelan yang telah ditunaikan syarat	106	90	2	14	-	1.9%
10	Memastikan pemangkasan pokok-pokok teduhan dan pokok renek dilakukan setiap 6 bulan di kawasan yang dikenal pasti (3 zon)	-	-	-	-	-	-
11	Membaiki alat permainan yang rosak dalam tempoh 30 hari daripada tarikh aduan diterima	76	19	-	-	57	75%



LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN 2009

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP JANUARI HINGGA DISEMBER 2009

Bil	Piagam / Standard		Siap		Belum Siap		
			Dicapai	Tidak Dicapai		Tidak Dicapai	
PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA							
12	Notis taksiran dihantar kepada pembayar cukai tidak melebihi 75 hari daripada tarikh penerimaan kes	12,900	10,866	-	2,034	-	-
13	Penukaran nama pemilik harta dibuat dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh permohonan diterima kecuali rumah kampung	8028	7946	62	1	19	1.0%
PERBENDAHARAAN							
14	Bil-bil cukai taksiran akan dikeluarkan dalam bulan Januari bagi setengah tahun pertama dan bulan Julai bagi setengah tahun kedua tiap-tiap tahun	510,620	510,620	-	-	-	-
15	Bayaran kepada pembekal akan dibuat dalam tempoh 14 hari setelah dokumen yang lengkap diterima	6,816	6,785	31	-	-	0.5%
16	Bayaran cukai taksiran yang diterima, adalah dikemaskini di paparan bil Online seperti berikut: Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP - Serta merta Bayaran melalui kaunter pejabat cawangan MPSP - Hari yang sama Bayaran melalui laman web MPSP , agen bank,TM,TNB & POS - 1 hari selepas transaksi Bayaran melalui lain-lain agensi setempat - 3 hari selepas transaksi	117,394	117,394	-	-	-	-
		58,308	58,308	-	-	-	-
		140,044	140,044	-	-	-	-
		13,593	13,593	-	-	-	-



LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN 2009

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP JANUARI HINGGA DISEMBER 2009

Bil	Piagam / Standard		Siap		Belum Siap		
			Dicapai	Tidak Dicapai		Tidak Dicapai	
17	Bayaran kompaun letak kereta yang diterima, adalah dikemaskini di paparan semakan On-line seperti berikut: Bayaran melalui kaunter ibu pejabat MPSP - Serta merta	40,753	40,753	-	-	-	-
		2,015	2,015	-	-	-	-
		108	108	-	-	-	-
		-	-	-	-	-	-
JABATAN PELESENAN							
18	Mengeluarkan bil lesen premis dalam tempoh 25 hari selepas syarat-syarat pelesenan ditunaikan	6,401	2,231	-	4,170	-	-
19	Mengeluarkan lesen penjaja dalam tempoh 25 hari selepas menerima permohonan lesen yang lengkap	2,897	586	-	2,401	-	-
20	Surat tawaran untuk mengisi kekosongan kompleks makanan / pasar awam dibuat dalam tempoh 14 hari selepas keputusan mesyuarat Majlis Penuh dan tempoh bantahan awam	888	888	-	-	-	-
KEMASYARAKATAN							
21	Maklum balas aduan dikemukakan kepada pengadu dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh aduan diterima	1,360	983	-	377	-	-



LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN 2009

LAPORAN PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN MPSP JANUARI HINGGA DISEMBER 2009

Bil	Piagam / Standard		Siap		Belum Siap		
			Dicapai	Tiakak Dicapai		Tidak Dicapai	
UNIT URUSETIA PUSAT SEREMPAT (0SC)							
22	Semua permohonan direkodkan dan dirujuk kepada Jabatan Induk dan Jabatan-jabatan Teknikal dalam tempoh 2 hari bagi konsep Jual Kemudian Bina (JKB), Projek Biasa	882	882	-	-	-	-
23	Semua permohonan direkodkan dan dirujuk kepada Jabatan Induk dan Jabatan-jabatan Teknikal dalam tempoh 1 hari bagi konsep Bina Kemudian Jual (BKJ), Projek Impak Tinggi, Projek Pelaburan Asing Dan Projek Kerajaan	106	106	-	-	-	-



	<p>2 Januari 2009: Perhimpunan Warga MPSP Perhimpunan Warga MPSP telah dianjurkan pada 2 Januari 2009 bertempat di Perkarangan Lobi MPSP. Tuan Yang Dipertua menyampaikan peringatan kepada warga MPSP untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan berdasarkan halatuju baru iaitu "rebranding" MPSP. Penjenamaan semula ini harus bermula dari diri dan tingkahlaku setiap pekerja untuk menjalankan tugas dengan lebih baik pada setiap masa.</p>
	<p>15 Januari 2009: Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis diadakan di Dewan Kenanga. YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan juga Y.B. Pengurus MMK Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas turut hadir untuk menyaksikan Majlis Melafazkan Ikrar Akuan Penerimaan Jawatan dihadapan yang Dipertua dan YAB Ketua Menteri. Majlis Perlantikan Ahli Majlis pada kali ini dibuat untuk tempoh perkhidmatan selama 2 bulan. Majlis yang sama kemudiannya diadakan pada 6 Mac 2009 untuk tempoh perkhidmatan sehingga bulan Disember 2009.</p>
	<p>April 2009: Star Rating (SSR-PBT) 2008 MPSP telah mendapat "rating" 3 bintang dengan markah 72.05 dan berada di tempat ke-16 daripada 98 buah PBT di seluruh Malaysia. Ianya kekurangan 3 markah untuk memperolehi 4 bintang sebaris dengan PBT-PBT lain di Malaysia. Tindakan sewajarnya perlu diambil untuk membuat penambahbaikan dan memperbaiki kecacatan bagi memastikan markah penilaian yang lebih baik di perolehi pada masa hadapan. Keputusan star "rating" ini juga perlu diberi perhatian oleh semua warga kerja MPSP untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan sejajar dengan keperluan semasa.</p>
	<p>20 Mei 2009 : Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Pesaraan 2009 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diadakan di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi. Majlis menyaksikan seramai 133 orang anggota MPSP yang telah berkhidmat dengan cemerlang menerima anugerah daripada Tuan Yang Dipertua. Majlis turut meraikan anggota MPSP yang akan bersara seramai 17 orang.</p>
	<p>01 Julai 2009: Penguatkuasaan Prosedur Baru Sempena Pelaksanaan MS ISO 9001 VERSI 2008 Berdasarkan prosedur baru yang digunakan selaras dengan pelaksanaan ISO 9001 versi 2008, MPSP telah melaksanakan penguatkuasaan prosedur baru termasuklah penggunaan borang baru berdasarkan penguatkuasaan prosedur berkenaan.</p>
	<p>01 Julai 2009: Sambutan Hari Majlis ke-35 Sambutan Hari Majlis yang ke-35 telah diadakan pada 1/7/2009(Rabu) bertempat di Perkarangan Lobi Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda. Majlis perhimpunan dirasmikan oleh Y.B. Chow Kon Yeow, Pengurus MMK Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas. Majlis dimulakan dengan acara Memperbaharui Ikrar Perkhidmatan oleh kakitangan MPSP yang diketuai oleh Setiausaha Perbandaran, Encik Zainol Abidin bin Md. Noh. Turut sama dalam majlis ini ialah semua Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan.</p>

**PERISTIWA PENTING TAHUN 2009****01 Julai 2009: Pertandingan Zon QE Terbaik dan Cadangan Kaizen Sempena Perayaan Hari Q MPSP**

Zon Rafflesia (Tingkat 11) telah dinobatkan sebagai Zon Terbaik 5S/QE pada Hari Kualiti yang diadakan bersempena Perayaan Hari Majlis Ke-35 Tahun 2009. Penyumbang-penyumbang Cadangan Q - Kaizen iaitu sumbangan idea kreatif & inovasi bagi penambahbaikan perkhidmatan di MPSP turut diberi Sijil Penghargaan. Diantara mereka ialah En Kamaruddin bin Che Lah (Kejuruteraan), En Wan Junaidy bin Yahaya (Kemasyarakatan), En Ng Mo Yong (Penilaian), En Chew Eng Seng (Kesihatan) dan En Ahmed Rafie bin Jamaluddin (Penilaian).

**31 Julai 2009: Kempen Tanpa Plastik**

MPSP malancarkan kempen tanpa plastik melalui program LA 21 MPSP. Majlis pelancaran oleh Tuan Yang Dipertua ini turut dihadiri oleh semua Ahli Majlis bagi menyatakan sokongan kepada kempen tanpa plastik yang dianjurkan oleh MPSP ini. Kempen ini akan diperluaskan ke semua pasaraya-pasaraya mega di Seberang Perai.

**14 Ogos 2009: Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Terhadap Pencegahan & Kawalan Wabak Influenza A (H1N1) Serta Kempen "A Cleaner & Brighter Penang"**

Kempen kesedaran terhadap pencegahan dan kawalan wabak Influenza A (H1N1) serta kempen "A Cleaner & Brighter Penang" telah diadakan di Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi, Butterworth. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.B. Tuan Phee Boon Poh, Pengurus MMK Kesihatan & Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.

**9 Oktober 2009: Jamuan Hari Raya MPSP**

Majlis menganjurkan jamuan hari raya serentak untuk semua perayaan termasuk Tahun Baru Cina, Deepavali dan Aidilfitri. Sambutan daripada seluruh warga MPSP menunjukkan perpaduan dan kerjasama yang tinggi terus terjalin. Program ini turut menerima kunjungan daripada pemimpin-pemimpin negeri dan pegawai-pegawai kanan jabatan untuk tidak melepaskan peluang bersama dengan warga MPSP.

**1 September 2009: Perhimpunan Warga MPSP**

Perhimpunan warga MPSP pada kali ini telah diadakan di hadapan Lobi Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda (Isnin) pada jam 8.30 pagi. Perhimpunan pada kali ini turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman, Setiausaha Kerajaan, Negeri Pulau Pinang. Y.B Dato' dalam ucaptamanya turut menyarankan MPSP untuk seiring dengan matlamat negeri menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa.

**14 November 2009: Pelancaran Sambutan hari Landskap Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang.**

Sambutan Hari Landskap Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan di bangunan Ibupejabat MPSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Majlis pelancaran peringkat negeri ini menyaksikan ketibaan Tuan Yang Terutama Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan turut sama menyerikan program pelancaran. Tuan Yang Terutama seterusnya menyampaikan pokok hiasan kepada kelima-lima Pegawai Daerah di Pulau Pinang sebagai simbolik pelancaran program.



1. Ekonomi Malaysia memperlihatkan pertumbuhan yang memberangsangkan, dalam kelembapan ekonomi dunia yang tidak dijangkakan. Meskipun environment kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berada diluar jangkaan, tindakan berhati-hati dalam perbelanjaan telah melihatkan pertumbuhan semula kekuatan kewangan dalam kumpulan wangrizab walaupun secara perlahan. Majlis Perbandaran seberang Perai masih mampu mengatasi kesan kelembapan apabila ekonominya mengalami pertumbuhan dengan lebihan pendapatan yang diperolehi, kumpulan wang rizab MPSP meningkat sebanyak 50.22% dari RM29.07 juta dalam tahun 2008 kepada RM43.67 juta dalam tahun 2009.
2. Pertumbuhan positif ini adalah kerana usaha pengawalan perbelanjaan mengikut kepentingan dan keperluan disamping usaha-usaha aktif untuk meningkatkan sumber pendapatan. Disuntik pula dengan dasar kewangan yang sesuai, langkah fiskal melalui belanjawan yang telah membawa kepada pertambahan nilai lebihan dari RM3.02 juta pada tahun 2008 kepada RM14.57 juta pada tahun 2009 dengan perbezaan sebanyak RM11.55 juta. Sumbangan secara langsung oleh kementerian melalui projek-projek infrastruktur kemudahan awam seperti menaiktaraf jalan, sistem perparitan, pasar dan gerai melalui waran peruntukan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Pakej Ransangan Ekonomi dan RMK 9 sebanyak RM9.29 juta telah menyumbang kepada pengurangan perbelanjaan oleh MPSP.

Pengurusan Pembersihan

3. Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah diluluskan oleh Parlimen pada 17 Julai 2007. Melalui Rang Undang-Undang baru ini, tanggungjawab untuk menguruskan kutipan dan pelupusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan yang selama ini adalah dibawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), akan diambil alih oleh Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Namun di Seberang Perai aktiviti pembersihan di masih tetap dilaksanakan oleh MPSP.
4. Perbelanjaan untuk kerja-kerja pembersihan sebanyak RM33.08 juta pada tahun 2009 berikutan kadar harga yang berkurangan berkuatkuasa pada 1 Januari 2009 meninggalkan kesan kepada keseluruhan rizab kewangan MPSP.
5. Perbelanjaan pengurusan sisa pepejal pada tahun 2009 telah menurun sebanyak 86% berbanding tahun sebelumnya. Aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan yang agresif kepada warga seberang perai disamping aktiviti penguatkuasaan telah memberi impak yang besar kepada penurunan jumlah ini. Penerimaan masyarakat terhadap program-program pendidikan kesihatan seperti Program Kitar Semula dan Program Agenda Tempatan 21 mula membawa hasil.
6. Dalam usaha memperkasakan lagi perkhidmatan penyelenggaraan pembersihan di Seberang Perai dan memastikan pelaksanaan dasar, strategi dan rancangan yang telah diputuskan. MPSP menggabungkan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan dibawah satu
7. jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Jabatan ini menguatkuasa undang-undang serta peraturan yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Ini termasuklah memastikan fungsi dan obligasi kontraktor pembersihan atau “service providers” kepada aktiviti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan, dijalankan dengan sempurna.



Pengurusan Peniaga Kecil

7. Ketidakstabilan ekonomi luaran pada tahun 2009, melihatkan beberapa perindustrian mengalami pengucupan dan pengecilan skala pengeluaran. Akibatnya telah berlaku pemberhentian kerja secara beramai-ramai dalam industri berkaitan. Hakikatnya fenomena ini telah menyebabkan percambahan jumlah peniaga-peniaga kecil bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Statistik pengeluaran lesen penjaja dan lesen am yang dikeluarkan pada tahun 2009, menunjukkan peningkatan permohonan sebanyak 20% dan 8%. Daripada jumlah itu sebanyak 69% dan 52% permohonan lesen masing-masing telah diluluskan.
8. Pergerakan ekonomi dunia yang sedikit goncang menghasilkan gelombang kecil terhadap penjaja dan peniaga kecil di Seberang Perai. Usaha-usaha untuk membantu golongan ini bangun semula memerlukan sokongan semua pihak. MPSP mengambil tindakan proaktif dalam membantu kerajaan menangani isu ini. Usaha-usaha untuk meningkatkan pengetahuan tentang keperluan untuk melesenkan aktiviti perniagaan bukan untuk sumber pendapatan MPSP tetapi untuk pengurusan dan pemantauan demi menjamin keselesaan dan kesihatan rakyat, peniaga kecil dan penjaja telah dipertingkatkan. Disamping itu proses-proses permohonan lesen telah dipermudahkan dan dipercepatkan.
9. Pengisian gerai-gerai kosong milik MPSP secara temuduga terbuka telah menimbulkan minat golongan ini dalam bidang perniagaan yang diceburi. Kemudahan yang disediakan ini meningkatkan minat golongan peniaga kecil untuk menjalankan aktiviti perniagaan di premis-premis milik MPSP. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 2,067 individu telah menghadiri temuduga terbuka untuk mengisi ruang-ruang perniagaan milik MPSP yang masih kosong. Daripada jumlah itu sebanyak 44% telah dipilih untuk mengisi ruang perniagaan di pasar awam dan kompleks makanan sekitar Seberang Perai. Sehingga Disember 2009, MPSP mempunyai 3,589 ruang niaga di 27 buah pasar awam dan 1,382 ruang niaga di 57 buah kompleks penjaja. Sebanyak 66% daripadanya telah diisi dan 34% masih dalam proses pengisian.
10. Peningkatan kualiti kehidupan masyarakat Seberang Perai mencakupi peningkatan prasarana, kebijakan dan ekonomi rakyat. Aspek peningkatan budaya kepenggunaan yang bijak dan seimbang serta tiada pembaziran juga perlu diberi perhatian. Kaedah pengendalian dan penyediaan makanan yang betul menjadi ramuan utama dalam menarik minat pelanggan samada dari kalangan warga tempatan atau pelancong. Nilai-nilai kebersihan premis dan penyediaan makanan serta layanan yang sopan dipandang tinggi oleh masyarakat dalam usaha meningkatkan mutu dan kualiti kehidupan. Peningkatan mutu pengendalian dan penyediaan makanan di premis-premis makanan di Seberang Perai diselenggara dan dipantau oleh MPSP dengan penguatkuasaan dan pemeriksaan kesihatan secara bergerak dari masa ke semasa.
11. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 6,000 suntikan imunisasi telah diberikan dan 8,000 pemeriksaan kesihatan telah dilakukan ke atas pengendali-pengendali makanan semasa proses permohonan baru dan memperbaharui lesen perniagaan. Disamping itu, aktiviti penggredan premis makanan terus dilaksana dan dikuatkuasakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.



Pengurusan Pembangunan Dan Perancangan

12. Matlamat dan tujuan utama dalam dasar pembangunan Seberang Perai bukan sahaja untuk mewujudkan pembangunan yang harmoni dan seimbang antara wilayah-wilayah dan antara sektor-sektor ekonomi tetapi juga kepada pemuliharaan kesaksamaan agihan pendapatan dan pemilikan harta. Dalam menyelami matlamat dan tujuan ini, MPSP menguatkuasakan Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976, Akta 172 dan Akta Perancang Bandar dan Desa (Pindaan) 1995, Akta A993. Penguatkuasaan ini bertujuan untuk memastikan corak pembangunan adalah bersesuaian dan selaras dengan corak yang telah ditetapkan di samping menghalang pembangunan yang bertentangan dengan perancangan asal.
13. Rakyat sewajarnya akan merasa semakin selamat dan selesa, penawaran kemudahan-kemudahan sosial awam yang serba cukup dan moden, pengangkutan yang serba mudah, pembangunan infrastruktur fizikal dan sosial yang terancang, seimbang dan selamat, kemudahan rawatan, keselamatan dan lain-lain kemudahan awam, menjadikannya satu bentuk rantaian jaminan sosial dalam mewujudkan keseimbangan pembangunan. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 260 permohonan pelan kebenaran merancang untuk tujuan pembangunan telah diterima berbanding 204 permohonan pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah itu sebanyak 62% pelan kebenaran merancang dan 38% pelan pecahan sempadan telah diluluskan. Ini menunjukkan bahawa penawaran terhadap pembangunan khususnya dalam sektor perumahan semakin meningkat di kawasan Seberang Perai.
14. Kerancakan pembangunan di Seberang Perai terutamanya dalam sektor perumahan dan perniagaan yang mengikut perancangan dan selaras dengan pelan rancangan pembangunan Seberang Perai tidak dapat dinafikan. Ianya dianggap sebagai pemangkin kepada pembangunan sektor-sektor lain yang dapat meningkatkan ekonomi warga Seberang Perai secara total. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 266 permohonan pelan yang telah diluluskan. Daripadanya sebanyak 172 pelan susunatur dan bakinya sebanyak 94 adalah pelan pecahan atau cantuman tanah.
15. Kewujudan Urusetia Pusat Setempat (OSC) di Majlis Perbandaran Seberang Perai semenjak 13 Jun 2007 selepas pelancarannya oleh Y.A.B Perdana Menteri dalam Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan pada 13 April 2007, membawa harapan baru kepada warga Seberang Perai apabila norma masa memproses permohonan pemajuan tanah telah dipendek dan dipercepatkan.
16. Khidmat nasihat dari aspek keperluan dokumen dan tatacara mengemukakan permohonan diberi kepada juruperunding dan pemohon dalam usaha untuk membantu memastikan permohonan yang dikemukakan lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan. Borang-borang permohonan pemajuan yang dahulunya boleh didapati di kaunter kini boleh di muaturun melalui laman web sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 1,035 permohonan pelan-pelan pembangunan telah diterima dan jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 64% berbanding permohonan pada tahun permulaan penubuhannya iaitu sebanyak 474.



Pengurusan Kemasyarakatan

17. Pembangunan Seberang Perai yang terancang harus diteguhkan dengan pembangunan sosio-kemasyarakatan yang teratur dan selesa. Penyediaan kemudahan-kemudahan sosio-kemasyarakatan seperti dewan orang ramai, taman permainan, gelanggang-gelanggang sukan dan kawasan riadah serta rekreasi disediakan secara terancang. Sehingga 2009 MPSP mempunyai 146 buah dewan orang ramai. Daripada jumlah itu sebanyak 49% telah diuruskan oleh persatuan penduduk dan rukun tetangga untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.
18. Sebagai strategi untuk memperkuuhkan hubungan masyarakat dan pelanggan serta pelanggan-pelanggan, program-program kemasyarakatan seperti gotong-royong pembersihan kawasan terus menjadi agenda utama di Seberang Perai. Dalam tahun 2009, sebanyak 96 kali program gotong-royong telah diadakan di sekitar Seberang Perai. Program separuh hari ini turut disokong dengan pameran dan penerangan tentang pendidikan perbandaran yang didedahkan untuk penghayatan masyarakat Seberang Perai. Program-program ini membawa kekayaan maklumat dan pengalaman yang hanya memberi ~~23~~ lebih kepada MPSP dalam jangka panjang. Oleh yang demikian, adalah sangat penting untuk MPSP terus memupuk dan menjamin hubungan baik antara pelanggan-pelanggannya dan masyarakat.
19. Menyedari kepentingan penglibatan masyarakat secara bersama dalam menangani isu peningkatan pelupusan sisa pepejal di Seberang Perai, jawatankuasa-jawatankuasa tertentu yang dianggotai oleh pemimpin masyarakat dan warga kapital yang diselaraskan oleh MPSP telah ditubuhkan dibawah program Agenda Tempatan 21. MPSP telah mengukuhkan kumpulan-kumpulan pencinta alam sekitar ini, dengan khidmat nasihat untuk program-program pemeliharaan alam sekitar seperti penghasilan "mud ball", kitar semula sisa dapur, kesayangan haiwan dan kitar semula komputer dan bateri terpakai. Sebanyak 9 pasukan kerja telah berjaya ditubuhkan pada tahun 2009 dengan 57 aktiviti telah dilaksanakan.
20. Pada tahun 2009, MPSP telah menyiapkan sebuah lagi kompleks sukan di Seberang Perai Tengah, menjadikannya kompleks sukan yang ketiga selepas Kompleks Sukan Bertam di Kepala Batas dan Kompleks Sukan & Rekreasi Sony di Seberang Jaya. Dikenali dengan nama Kompleks Sukan Dan Rekreasi SPT. Pembukaannya telah membawa nilai tambah kepada hasil bukan cukai MPSP. Sebanyak 633 penggunaan telah dicatatkan oleh Kompleks Sukan Dan Rekreasi SPT pada enam bulan pertama pembukaannya, diikuti 1,146 di Kompleks Sukan Dan Rekreasi Sony dan 3,301 di Kompleks Sukan Bertam menjadikannya antara kompleks sukan yang paling ramai pengunjung dan digunakan secara optimum oleh warga Seberang Perai.
21. Aktiviti sukan merupakan sebahagian daripada usaha MPSP untuk merapatkan hubungan antara wargakerjanya dengan masyarakat dan pelanggan termasuklah golongan-golongan terkemuka di Seberang Perai. Pada 27 September 2009, bersempena dengan sambutan Hari Jadi TYT Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato'Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman bin Hj. Abbas. MPSP telah menganjur Pertandingan Golf TYT di Penang Golf Resort, Kepala Batas. Pertandingan kali ini, turut mendapat perkenan kerabat diraja dengan penyertaan oleh KDYMM Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, KDYMM Sultanah Hajjah Haminah Binti Haji Hamidun dan Tunku Panglima Besar, Datuk Seri Intan Safinaz Binti Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.



Pengurusan Penyelenggaraan

